UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : OKTOBER / 20 / 2026
M/S : 2

Anwar nafi hutang 1MDB sudah selesai

Kerajaan masih terus membayar termasuk faedah

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Anwar pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan masih perlu menanggung hutang berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) termasuk faedahnya, sekali gus menafikan dakwaan semua hutang syarikat pelaburan strategik negara itu sudah diselesaikan.

Perdana Menteri berkata, pembayaran hutang lama perlu diteruskan meskipun kerajaan berusaha mengawal pinjaman baharu dan mengurangkan beban hutang negara menerusi pengurusan fiskal yang lebih berdisiplin.

Katanya, terdapat pihak mendakwa hutang 1MDB sudah dilunaskan sepenuhnya, namun beliau mempersoalkan sumber maklumat berkenaan.

"Ada menyatakan hutang 1MDB dah bayar semua, saya tak tahu daripada kitab mana dia baca, tak betul.

"Tetapi hutang kita dengan jumlah kadar faedahnya itu harus dibayar," katanya ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Kementerian Kewangan (MoF) dalam kenyataannya baru-baru ini, berkata kerajaan membayar RM42.5 bilion setakat 31 Ogos 2026 bagi memenuhi komitmen berkaitan 1MDB termasuk pembayaran balik prinsipal, faedah, yuran guaman dan kos operasi.

Jika tidak mendapat semula dana tambahan pada masa depan, kerajaan masih perlu menanggung baki obligasi RM20.1 bilion.

Pada Julai lalu, Timbalan Menteri Kewangan, Liew Chin Tong, dilaporkan berkata, kerajaan masih bertanggungjawab menanggung Nota Jangka Sederhana Islam yang dijamin kerajaan berjumlah RM8.9 bilion.

Komitmen itu meliputi bayaran prinsipal RM5 bilion dan faedah RM3.9 bilion yang akan matang pada 2039.

Menurut MoF, tindakan perundangan dan kerjasama antarabangsa akan diteruskan untuk memaksimumkan pemulihan aset 1MDB yang diselewengkan dan mengurangkan beban kewangan negara.

Pada Mei lalu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata Malaysia berjaya mendapatkan semula RM31.3 bilion atau 74.5 peratus daripada RM42 bilion dana 1MDB yang diseleweng setakat 2025.

Pada November 2025, media melaporkan kerajaan Malaysia berjaya mendapatkan semula dana RM31.2 bilion (termasuk hibah dan pelarasan tukaran wang asing) berkaitan 1MDB dan SRC International Sdn Bhd (SRC) sejak penubuhan Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (AAMKA) pada Disember, 2018 sehingga 30 September, 2025.

Dana AA MKA dikawal selia

MOF memaklumkan, dana AAMKA tidak dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus atau pembangunan baharu, sebaliknya dikawal selia secara ketat dan hanya digunakan untuk melunaskan hutang serta memenuhi komitmen sedia ada 1MDB dan SRC.

Langkah itu penting bagi memastikan dana awam tidak terus terbeban akibat liabiliti legasi skandal tersebut, katanya.

"Setakat 30 September, 2025, dana AA MKA masih berbaki sebanyak RM5.29 bilion, manakala baki obligasi hutang 1MDB pula masih berbaki RM24.46 bilion.

"Jumlah itu meliputi sukuk terbitan nota jangka sederhana Islam (IMTN) berjumlah RM9.02 bilion, merangkumi prinsipal (RM5 bilion) dan faedah (RM4.02 bilion) dan Pendahuluan Pemegang Saham daripada MOF dan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) (RM15.44 bilion)," kata MOF.

Dalam ucapannya, Anwar menegaskan bahawa kerajaan yang bertanggungjawab perlu membuat pinjaman hanya apabila diperlukan untuk menguruskan ekonomi, selain merancang lebih awal supaya generasi akan datang tidak terbeban dengan perbelanjaan berlebihan pada masa kini.

Katanya, pengurusan hutang negara perlu dilaksanakan secara berhemah, terutama ketika ekonomi global berdepan ketidaktentuan dan kerajaan masih perlu menyediakan bantuan serta subsidi bagi meringankan beban rakyat.

"Kerajaan yang bertanggungjawab hanya akan membuat pinjaman setakat yang diperlukan untuk menguruskan ekonomi.

"Pada masa sama perlu sentiasa membuat perancangan awal dan tidak seharusnya membebankan generasi akan datang untuk menanggung perbelanjaan berlebihan generasi masa kini," katanya.

Beliau berkata, disiplin fiskal juga perlu disokong tatakelola yang baik, termasuk usaha membanteras ketirisan dan rasuah bagi memastikan wang negara dapat dimanfaatkan untuk kepentingan rakyat.

Anwar berkata, kerajaan perlu mempunyai tekad politik untuk melaksanakan pembaharuan institusi dan mengukuhkan mekanisme akauntabiliti dalam pengurusan kewangan negara.

Katanya, langkah itu penting bagi memastikan sumber kewangan negara diurus secara bertanggungjawab, selain membolehkan kerajaan meneruskan komitmen membantu rakyat tanpa mengabaikan kedudukan fiskal negara.

Dalam ucapan sama, Perdana Menteri memberi peringatan tegas kepada penjawat awam supaya tidak melengahkan pelaksanaan dasar kerajaan dan menegaskan keberkesanan Belanjawan 2027 bukan sekadar bergantung kepada perancangan rapi, sebaliknya keupayaan menterjemahkannya demi manfaat kepada rakyat.